



## MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KRUBONG, MELAKA



YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan pada 16 Mac 2018 yang lalu telah merasmikan Majlis Program Perumahan Rakyat (PPR) Krubong, Melaka. Majlis turut dihadiri oleh Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ir. Haji Idris bin Haji Haron.

Projek PPR Krubong, Melaka ini melibatkan pembinaan sebanyak 600 unit rumah pangsapuri kos rendah berkeluasan 700 kaki persegi dengan kos projek bernilai RM101 juta. Kos pembinaan seunit rumah di PPR ini menelan belanja sebanyak RM168,333.00 seunit. PPR ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti surau, tadika, kedai dan gerai, dewan serbaguna, taman permainan kanak-kanak, tempat letak kereta, dan sebagainya untuk kemudahan peserta. Penyediaan PPR ini telah memberikan kemudahan perumahan kepada rakyat di kawasan Krubong khususnya dan negeri Melaka amnya.

Kerajaan bukan sahaja membina atau menyediakan rumah semata-mata, malah menyediakan kehidupan kondusif bagi membolehkan penghuni-penghuni menikmati kemudahan sama seperti yang dinikmati oleh penghuni di pangsapuri-pangsapuri kos sederhana yang lain. Kerajaan komited agar penghuni-penghuni rumah PPR ini tidak tertinggal dari aspek kemudahan fasiliti, infrastuktur, riadah dan rekreasi. Komitmen Kerajaan Persekutuan adalah sentiasa berusaha bagi menyediakan kemudahan perumahan yang terbaik untuk setiap lapisan masyarakat terutamanya rakyat berpendapatan rendah dan golongan setinggan.



Untuk rekod, di Negeri Melaka, Kerajaan telah membina dan menyiapkan sebanyak 1,436 unit PPR iaitu PPR Batu Berendam (336 unit), PPR Krubong (600 unit) dan PPR Tehel (500 unit) serta sedang membina 255 unit rumah lagi di PPR Klebang. Malah Kerajaan Persekutuan telah merancang untuk membina 620 unit lagi rumah PPR di negeri Melaka iaitu PPR Tangga Batu (120 unit) dan PPR Cheng (500 unit) dalam waktu terdekat. Ini akan menjadikan jumlah keseluruhan PPR di Negeri Melaka adalah sebanyak 2,311 unit.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat